

**Bursa Securities Siasat Golsta Synergy Berikutan Saham Naik Mendadak
Bernama
10 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Bursa Malaysia Securities Bhd Isnin menyiasat aktiviti pasaran luar biasa (UMA) ke atas Golsta Synergy Bhd berikutan kenaikan mendadak harga saham syarikat itu baru-baru ini.

Pada pukul 3.53 petang tadi, saham Golsta meningkat 54 sen atau 15.96 peratus kepada RM3.92, dengan 491,100 saham diurusniagakan.

Para pelabur dinasihati melihat jawapan syarikat itu terhadap siasatan UMA, yang akan dimuatkan dalam laman web Bursa Malaysia di bahagian 'pengumuman syarikat' dalam membuat keputusan tentang pelaburan mereka, kata Bursa Malaysia hari ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020735>